

[Search Newspapers](#)[Browse Newspapers](#)

I am looking for

[Advanced Search ▾](#)

Home > Berita Harian > 2 January 1981 > Page 1 > Botak Chin gagal lari dari penjara

Botak Chin gagal lari dari penjara

Berita Harian, 2 January 1981, Page 1

Article also available on Microfilm Reel NL10903

[Add to Citation](#)[Previous Article](#)[Next Article](#)[Previous Page](#)[Next Page](#)

Botak Chin gagal lari dari penjara

Tiga warder dicederakan

KUALA LUMPUR,
Khamis

BOTAK CHIN, seorang penjenayah yang sedang menanti hukuman mati, telah menikam tiga orang warder dalam satu cubaan nekad untuk melarikan diri dari bilik tahanannya di Penjara Pudu petang ini.

Bagaimanapun, Botak Chin (Wong Swee Chin), 29 tahun, berjaya ditewaskan dan mengalami kecederaan di kepala.

Dia kemudiannya dibawa ke Hospital Besar untuk dirawat dengan kawalan ketat polis.

Tiga orang warder yang

cedera ditikam itu juga dirawat di hospital itu dan telah dibenarkan pulang.

Mereka yang cedera ialah A. Rafar bin Manap, 27 tahun, Sarjan Abdullah Ahmad, 50 tahun dan Turready Abdullah, 21 tahun.

Cubaan melarikan diri itu bermula pada kira-kira jam 2.30 petang bila Encik Rafar pergi mengambilnya dari biliknya yang terpencil untuk mandi.

Sejurus selepas Encik Rafar masuk ke bilik kurungan itu, Botak Chin tiba-tiba menyerangnya.

Satu pergelutan berlaku. Encik Rafar telah ditikam

[Information ▾](#)Newspaper:
Berita HarianDate:
2 January 1981Reel Number:
NL10903[^ Scroll to Top](#)Share [Email](#) [Print](#) [Facebook](#) [Twitter](#) [LinkedIn](#)[Table of Contents ▾](#)< Previous | [Page 1](#) | Next >[Nama Akhbar](#)

Berita Harian HARIAN BERBASAH MELAYU YANG TUNCCAL DI SINGAPURA NO 9619 JUMAAT, 2

[Thatcher ke Washington](#)

Thatcher ke Washington Reuter WASHINGTON. Perdana Menteri British Margaret Thatcher akan

['Lawatan yg berjaya'](#)

'Lawatan yg berjaya' -UPI KAHIRAH. Jeneral David Jones, Pengerusi Turus Angkatan Bersenjata Amerika,

[Minyak naik di Algeria](#)[View Full Table of Contents >](#)

dengan benda tajam di bahu dan perutnya dalam pergelutan itu.

Sarjan Abdullah yang berada di luar bilik kurungan itu, meluru ke dalam apabila melihat pergelutan itu. Dia juga telah ditikam di perutnya. Tangan kirinya turut dicedera.

Kebisingan yang berpunca dari pergelutan itu telah didengar oleh seorang lagi warder, Encik Tuready, yang berada tidak jauh dari situ.

Dengan cepat dia berkejar ke situ untuk memberikan bantuan. Dalam pergelutan yang

berlaku kemudiannya, dia telah ditikam di bahagian belakang badan dan bahu.

Warder-warder lain yang mendengar hingar-bingar itu juga berkejar ke bilik kurungan Botak Chin.

Polis dipercayai telah menjumpai benda tajam dari bilik tersebut.

Botak Chin telah dihukum mati oleh Mahkamah Tinggi di sini pada 16 Mei lalu kerana kesalahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri.


Rayuan

Dia dapati bersalah kerana memiliki tiga senjata — pistol automatik Walther 7.65, pistol Luger automatik 9mm Erfurt 96 dan sepucuk pistol automatik Beretta 6.35 — 41 butir peluru 9mm, 34 butir peluru .32 dan dua butir bom-tangan.

Dia telah membuat rayuan kepada Mahkamah Federal enam hari kemudian tetapi rayuan itu ditolak.

Botak Chin telah ditembak dan ditawan selepas tembak menembak dengan polis di sebuah kilang papan di Kilometer 6 Jalan Ipoh pada malam 16 Februari 1976.





Botak Chin



Botak Chin, dengan kepalanya berbalut, tiba di hospital dengan usungan dan dikawal ketat oleh pegawai-pegawai polis.



Related Articles



Seorang lagi anggota Geng Botak dihukum bunuh

Berita Harian 10 December 1975

Seorang lagi anggota Geng Botak dihukum bunuh KUALA LUMPUR,

Botak Chin diberkas dlm drama tembak menembak

Berita Harian 18 February 1976

Botak Chin diberkas dlm drama tembak menembak XL, Selasa POLIS telah m...

Mayat ahli2 geng 'Botak' belum diambil warisnya

Berita Harian 19 February 1976

Mayat ahli2 geng 'Botak' belum diambil warisnya VV ALA LUMPUR, Rabu. A...

National Library Board

Contact Us Feedback FAQ



ort Vulnerability Terms of Use Linking Disclaimer Privacy Statement Takedown Policy

©2023 Government of Singapore
Last Updated 2019-10-29